

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATUK BUNG MOKTAR BIN RADIN**  
**[ KINABATANGAN]**  
**TARIKH : 20.10.2015 (SELASA)**

**DATUK BUNG MOKTAR BIN RADIN [ KINABATANGAN ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan sejauh manakah kesungguhan pihak Kementerian dalam menyalurkan subsidi kepada golongan sasaran dan apakah perancangan Kementerian dalam memastikan pasukan penguatkuasaan Kementerian terutamanya di negeri Sabah benar-benar efektif dalam mengelakkan ketirisan dalam program-program pemberian subsidi Kerajaan seperti "*Community Drumming*" dan bekalan barang-barang perlu.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Untuk makluman Dewan yang Mulia ini, Kementerian telah melaksanakan Program Penyeragaman Harga sejak tahun 2009 yang merupakan satu inisiatif bagi menstabilkan harga bekalan barangan bersubsidi di kawasan luar bandar dan pedalaman. Pada tahun 2015, program ini dilaksanakan meliputi **1,416 kawasan** pengedaran di Semenanjung, Sabah, dan Sarawak yang terdiri daripada **10,631 Point of Sales (POS)** dengan penglibatan **326 transporter** dan peruntukan subsidi pengangkutan berjumlah **RM210 juta**. Bagi negeri Sabah, bilangan kawasan yang terlibat ialah sebanyak **503 kawasan** melibatkan **5,139 Point of Sales (POS)** dan **159 transporter** yang telah dilantik dengan peruntukan subsidi pengangkutan berjumlah **RM90 juta**.

Menerusi program ini, Kerajaan akan menanggung kos pengangkutan oleh *transporter* untuk membawa barangan keperluan (beras ST15%, tepung gandum, minyak masak, gula pasir, gas memasak LPG, petrol RON 95 dan diesel) ke kawasan luar bandar dan pedalaman bagi membolehkan rakyat di kawasan tersebut menikmati harga yang sama seperti di Semenanjung mengikut harga kawalan subsidi yang telah ditetapkan oleh Kerajaan. Program ini telah memberi faedah kepada **1,042,547 orang** penduduk di kawasan luar bandar dan pedalaman di Sabah.

Kementerian melaksanakan operasi penguatkuasaan yang berterusan dan bersepadu bersama agensi penguatkuasaan lain seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Polis Marin, Jabatan Laut, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), *Eastern Sabah Security Command (ESSCOM)* dan

Pihak Berkuasa Tempatan bagi membendung ketirisan dalam program-program pemberian subsidi Kerajaan seperti "*Community Drumming*" dan bekalan barang-barang perlu. Mana-mana *transporter* yang membawa petrol dan diesel di bawah program ini tanpa kebenaran daripada pihak Kementerian adalah salah di sisi undang-undang dan boleh disabitkan di bawah Seksyen 7(1) Akta Kawalan Bekalan 161 oleh mana-mana pihak berkenaan seperti yang telah saya nyatakan tadi.

Kementerian turut memperhebatkan lagi operasi penguatkuasaan melalui **Ops Titik** yang dilaksanakan bermula 15 Mei 2014 sehingga 31 Disember 2014 di mana Kementerian telah berjaya menumpaskan **516 cubaan** menyeleweng bahan petroleum bersubsidi meliputi **46 kes** bagi negeri Sabah dengan rampasan keseluruhan berjumlah **RM24.36 juta**. Kementerian juga telah mencapai hasil yang cemerlang dalam membanteras penyelewengan barang-barang kawalan bersubsidi sepanjang tahun 2014. Sebanyak **552 tindakan kes** melibatkan minyak diesel bersubsidi, **246 kes** melibatkan petrol, **23 kes** bagi minyak masak, **126 kes** bagi gas petroleum cecair (LPG), **7 kes** melibatkan gula dan **16 kes** melibatkan tepung gandum. Ini menjadikan jumlah keseluruhannya ialah **970 kes** dengan nilai rampasan sebanyak **RM185.2 juta**. Di samping itu, masalah *stock-out* minyak diesel di stesen-stesen minyak juga dapat ditangani.